



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

MAKLUM BALAS APAD BERHUBUNG ADUAN TAMBANG BAS CEKIK DARAH, PERJALANAN GOPENG - JOHOR BAHRU

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin menarik perhatian mengenai aduan kenaikan harga tambang bas sempena cuti Tahun Baru Cina baru-baru ini bagi laluan Gopeng – Johor Bahru yang didakwa tidak munasabah dan turut disiarkan oleh media tempatan dengan tajuk “Tambang Bas Cekik Darah, Gopeng-Johor Bahru RM241” .
2. Kementerian Pengangkutan melalui APAD prihatin dengan isu yang dibangkitkan dan mengambil maklum aduan yang diberikan pengadu.
3. Pihak APAD ingin menjelaskan bahawa ketetapan harga tambang bas ekspres adalah berdasarkan ketetapan jadual tambang. Kerajaan telah menetapkan bahawa seperti berikut:-
 - a) **kadar tambang lantai** bagi perkhidmatan bas ekspres **jenis Eksekutif. Ianya berdasarkan penawaran dan permintaan;** dan
 - b) **kadar tambang siling** bagi perkhidmatan bas ekspres **jenis Ekonomi.** Ianya dikawalselia dan ditetapkan oleh Kerajaan.

Berdasarkan ketetapan ini, pihak Syarikat Bas Ekspres dipertanggungjawabkan untuk mengenakan tambang yang bersesuaian selari dengan jenis perkhidmatan yang ditawarkan. **Dalam situasi pengadu yang memilih perkhidmatan bas ekspres eksekutif, harga yang dibayar adalah berdasarkan penawaran dan permintaan selari dengan musim perayaan Tahun Baru Cina seperti penerangan dalam perenggan 3.(a).** APAD ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk membuat pilihan bijak semasa membeli tiket bas kerana **harga tiket adalah berbeza mengikut jenis perkhidmatan yang ditawarkan kepada penumpang.**

4. **Adalah diingatkan juga bahawa pihak pengendali tidak boleh menaikkan harga tambang ekonomi sesuka hati tanpa kebenaran APAD.** Sebarang kenaikan atau ketetapan harga perlulah dirujuk kepada pihak APAD terlebih dahulu. Pihak APAD tidak akan berkompromi dengan mana-mana pengendali yang mengenakan caj tambang tambahan yang tidak munasabah dan membebankan pengguna. APAD dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa bekerjasama dalam memastikan tiada pengusaha bas ekspres yang mengenakan kadar tambang sewenang-wenangnya.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

5. Sememangnya APAD memandang serius terhadap mana-mana pengendali berlesen kenderaan perkhidmatan awam yang tidak mematuhi ketetapan syarat-syarat lesen dan boleh dikenakan tindakan tegas ke atas syarikat berkenaan sama ada penggantungan atau pembatalan lesen di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*].

TAMAT

**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
16 FEBRUARI 2024**